

**JAVANESE ISLAMIC CULTURE IN THE NOVEL GADIS KRETEK FROM
THE PERSPECTIVE OF SOCIAL FIQH**

**BUDAYA ISLAM JAWA DALAM NOVEL GADIS KRETEK MENURUT
PERSPEKTIF FIQH KEMASYARAKATAN**

Muhammad Yusri Yusof @ Sallehⁱ, Paiz Hassanⁱⁱ, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidinⁱⁱⁱ,
Ahmad Bakhtiar Jelani^{iv} & Daljeet Singh Sedhu^v

- ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar. yusri613@uitm.edu.my
- ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar. paiz4186@uitm.edu.my
- ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar. mohdz560@uitm.edu.my
- ^{iv} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar. ahmadbakhtiar@uitm.edu.my
- ^v Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar. drdaljeetss@uitm.edu.my

Received: 28 August 2024

Article Progress
Revised: 3 October 2024

Accepted: 30 October 2024

Abstract	<p><i>The novel Gadis Kretek is a work by renowned Indonesian author Ratih Kumala. This novel narrates the story of the kretek cigarette business culture in Indonesia during the Dutch colonial period up to Indonesian independence. It portrays the lives of Javanese communities in central Java regions such as Kudus, Muntilan, Magelang, Yogyakarta, and Surabaya. Based on four years of research conducted by Ratih Kumala in Central Java, the novel features vivid characters and storytelling that reflect various Javanese cultural practices, including the family's request for forgiveness during the last moments of life and the tradition of waiting for the placenta and umbilical cord for seven days. This study aims to identify elements of Javanese culture and evaluate them from the perspective of Islamic law. To achieve this objective, the study will combine library research and fieldwork based on interview and observation methods. The qualitative data collected will be thematically analyzed. The study's findings summarize the perspective of Islamic law on the cultural practices of the Javanese community.</i></p> <p>Keywords: <i>Girl, Kretek, Culture.</i></p>
Abstrak	<p><i>Novel Gadis Kretek adalah hasil nukilan karyawan tersohor Indonesia iaitu Ratih Kumala. Novel ini mengisahkan berkaitan budaya perniagaan kretek di Indonesia ketika zaman penjajahan Belanda hingga kepada kemerdekaan Indonesia. Novel ini melatari kisah kehidupan masyarakat Jawa di sekitar Jawa tengah seperti di Kudus, Muntilan, Magelang, Yogyakarta & Surabaya. Novel ini berdasarkan kajian selama 4 tahun yang dilakukan oleh Ratih Kumala di</i></p>

	<p><i>kawasan Jawa Tengah. Novel ini memiliki watak dan penceritaan yang hidup berkaitan beberapa budaya Orang Jawa antaranya ialah permohonan maaf oleh keluarga ketika sakaratul maut dan tradisi menunggu uri selama 7 hari. Kajian ini bertujuan mengenali unsur budaya masyarakat Jawa dan memberi penilaian daripada perspektif hukum Islam. Untuk mencapai objektif tersebut, kajian ini akan menggabungkan kajian kepustakaan dan lapangan yang berasaskan metode temubual dan pemerhatian. Data kualitatif yang dikumpulkan akan dianalisis kandungannya secara tematik. Hasil dapatan kajian merumuskan perspektif hukum Islam berkaitan amalan unsur budaya masyarakat Jawa.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Gadis, Kretek, Budaya.</i></p>
--	--

PENDAHULUAN


Budaya Jawa memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk identiti dan kepelbagaian warisan budaya Indonesia. Penggabungan nilai-nilai tempatan dengan unsur-unsur agama, khususnya Islam, mencipta landskap budaya yang berwarna-warni dan unik. Satu bentuk seni dan kesusasteraan yang menggambarkan kepelbagaian ini ialah novel "Gadis Kretek". Novel ini adalah garapan Ratih yang lahir pada 4 Jun 1980 di Jakarta. Mendapat pendidikan peringkat tinggi di Fakultas Sastra Inggris, Universitas Sebelas Maret, Surakarta. Ratih Kumala pernah mewakili Indonesia pada acara Beijing International Book Fair (BIBF) 2019 yang merupakan pameran buku terbesar di Asia. Ratih Kumala merupakan penulis skrip drama dan penulis buku novel dan fiksi (Novea & Siti Suryani, 2022). Antara bukunya yang telah diterbitkan ialah Tabula Rasa (2004), Genesis (2005), Larutan Senja (2006), Kronik Betawi (2009), Gadis Kretek (2012), Bastian dan Jamur Ajaib (2015), dan Wesel Pos (2019). Dengan latarbelakang keluarga yang memiliki Perusahaan kretek di Muntilan, Jawa Tengah, Ratih Kumala berjaya menghidupkan setiap watak yang ada dalam Novel Gadis Kretek.

Selain menceritakan kisah yang menarik, novel ini menghadirkan elemen-elemen budaya Jawa yang mencerminkan kehidupan sehari-hari, dan menjadi menarik untuk dianalisis dari sudut pandang Hukum Islam. Penting untuk difahami bahawa kehidupan sosial dan budaya sesebuah masyarakat seringkali berkait rapat dengan nilai-nilai agama yang dianuti oleh penduduknya. Oleh itu, melalui analisis novel "Gadis Kretek" dari perspektif hukum Islam, kita dapat memahami dengan lebih mendalam tentang bagaimana budaya Jawa berinteraksi dengan prinsip-prinsip agama tersebut. Hukum Islam melibatkan pelbagai aspek kehidupan, termasuk norma-norma sosial, etika, dan moraliti. Justeru, penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis sejauh mana budaya Jawa yang tergambar dalam novel "Gadis Kretek" dapat difahami dan dinilai dari perspektif hukum Islam. Melalui penelitian ini, kita bukan hanya menggali kisah menarik dalam novel tersebut, malah kita dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai interaksi yang dinamis antara budaya tempatan, khususnya budaya Jawa, dengan prinsip-prinsip hukum Islam. Dengan merungkai hubungan di antara budaya Jawa dan Islam dalam konteks novel ini, diharapkan penelitian ini dapat memberikan sumbangan kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan budaya dalam membentuk norma-norma sosial dan bagaimana perpaduan harmoni antara budaya tempatan dan agama dapat tercermin dalam karya sastra.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana kajian ini akan melibatkan analisis terhadap teks sastra. Sumber data utama kepada kajian ini ialah novel Gadis Kretek yang ditulis oleh Ratih Kumala yang diterbitkan pada tahun 2012 oleh Gramedia Utama. Manakala sumber data sekunder seperti artikel, tesis, atau literatur lain yang berkaitan dengan pengkajian novel Gadis Kretek, budaya Jawa dan Hukum Islam. Teknik pengumpulan data bagi kajian ini ialah; pertama, analisis teks novel yang menggunakan

pendekatan mengambil sampel teks yang relevan dengan aspek budaya Islam Jawa. Teknik analisis kandungan untuk mengeluarkan elemen-elemen budaya Islam Jawa novel tersebut. Kedua, temu bual dilakukan dengan 3 individu yang memiliki pemahaman mendalam tentang budaya Jawa Islam. Analisis Data pula dilaksanakan dengan dua cara; pertama analisis kandungan iaitu analisis data terhadap teks dari novel untuk mengenal pasti bagaimana budaya Jawa tercermin dan dianalisis hukum Islam berkaitan amalan tersebut. Kedua, analisis transkrip temubual dilaksanakan untuk mencari tema pada elemen budaya Islam Jawa yang terdapat dalam novel tersebut. Analisis hukum yang disediakan oleh penulis daripada perspektif usul fiqh kemudiannya dirujuk kepada beberapa pakar fiqh seperti ahli akademik, mufti dan mantan mufti sebagai sokongan kepada pentarjihan fiqh yang dibuat.



Rajah 1: Metodologi Kajian

SOROTAN LITERATUR

Maftuhah (2019) dalam kajiannya berkaitan kesetaraan gender dan nilai pendidikan dalam novel Gadis Kretek menyatakan dalam novel ini terdapat 4 nilai utama pendidikan; pertama, nilai pendidikan agama yang menekankan hubungan antara manusia dan Tuhan. Kedua, nilai pendidikan sosial yang merujuk kepada hubungan individu dengan individu lain dalam masyarakat. Ketiga, nilai pendidikan moral yang berkaitan dengan kebaikan atau keburukan tingkah laku manusia, dan keempat, nilai pendidikan budaya dan adat yang berkaitan dengan tradisi dan kebiasaan masyarakat. Selain daripada itu, novel ini juga membincangkan berkaitan perjuangan untuk memartabatkan kesetaraan gender yang melibatkan bentuk-bentuk ketidakadilan gender seperti stereotaip, pengecilan peranan wanita, dunia pekerjaan berasaskan gender, dan keganasan dalam rumah tangga. Sholikhin (2017) dalam kajiannya berkaitan strata sosial dalam novel Gadis Kretek menyatakan terdapat beberapa perkara boleh dijadikan pengajaran iaitu kewujudan ketidakseragaman status dari kelas tinggi ke kelas rendah yang menjadikan jurang pendapatan antara golongan berada dengan kelas bawah terlalu jauh. Selain itu, novel ini juga menyatakan bahawa berlaku pengelasan tahap sosial yang mengambil kira dimensi kekayaan, kuasa,

kehormatan, dan pengetahuan menghasilkan perlumbaan dalam bidang ekonomi dan pengumpulan kekayaan.

Erik dan Imada (2021) mengkaji berkaitan budaya kretek masyarakat Kudus sebagai sumber ilmu pengetahuan sosial di sekolah dasar mendapati bahawa budaya kretek masyarakat kudus sangat relevan sebagai sumber belajar sekolah dasar. Budaya masyarakat berkaitan kretek yang menjadi sumber pembelajaran adalah seperti pesan, petua dan kearifan tempatan. Kajian ini mencadangkan agar budaya-budaya ini dipraktikkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sana. Suhendra et al. (2021) dalam kajiannya yang berkaitan imej dan karektor wanita dalam novel *Gadis Kretek* menyatakan bahawa antara dapatan kajiannya ialah imej dan karektor wanita dalam novel ini disesuaikan dengan umur wanita dan tanggungjawab wanita tersebut. Antara imej wanita dalam novel ini ialah watak cerdas, bebas, bertanggungjawab dan ceria. Luxman et al. (2014) dalam kajian mereka mengetengahkan dua elemen budaya yang diungkapkan dalam novel ini adalah elemen kerja sebagai mata pencarian yang merangkumi kegiatan ekonomi utama masyarakat Jawa iaitu sebagai sutradara, produser, pekerja industri kretek, penjaja kecil, peniaga di pasar dan kedai, juru tulis, industri sewaan rumah, tukang cetak, penjual tembakau, petani dan penjual tape ketan. Elemen kedua pula yang disifatkan penulis sebagai elemen religi budaya iaitu percaya pada *dedemit* iaitu makhluk halus yang mengganggu manusia, percaya pada falsafah anjang kencana iaitu kesenangan yang ada hasil daripada kesusahan lampau, percaya ramalan orang tua, percaya pada istilah keberatan nama dan mempraktikkan tradisi slamatan.

Annisa Bayu Karisna dan Tengsoe Tjahjono (2023) dalam kajiannya menyatakan bahawa dalam novel ini terdapat dua jenis konflik iaitu konflik sosial dan konflik bukan sosial yang menunjukkan konflik-konflik yang berlaku memamatkan masyarakat. Sherly dan Setya (2023) menyatakan dalam kajian mereka bahawa peranan ilmu dan informasi sangat memberi pengaruh dalam masyarakat Jawa yang digambarkan oleh Ratih Kumala dalam novelnya. Ia juga memberi kesan kepada pengekalan kuasa golongan pemimpin pada ketika itu. Diya Kencana (2019) menyatakan bahawa antara nilai moral yang boleh diambil daripada novel ini ialah sentiasa berusaha keras dalam menjalani hidup, tidak boleh bergantung hidup dengan orang lain, saling menghormati dan menghargai, berbakti pada orang tua, menghormati kepercayaan orang lain dan sentiasa menyimpan rahsia orang lain. Thera Widyastuti (2020) menyatakan bahawa watak yang ditonjolkan dalam novel ini yang bernama Dasiyah amat berdikari, berpandangan jauh dan sangat fiminis. Dia berjaya mengembangkan industri kretek dalam kisah tersebut. Rais et al. (2022) dalam artikelnya menyatakan bahawa pengarang kepada novel ini menggunakan latar belakang hidup dan pengalamannya untuk menjelaskan dua fakta; fakta berkaitan institusi keluarga dan fakta berkaitan industri kretek di Indonesia. Kedua fakta ini digabungkan dan mempunyai kaitan antara satu sama lain.

Laillia (2023) dalam kajiannya menyatakan bahawa wanita adalah sumber terbaik untuk pengiklanan. Ini dapat dilihat bentuk pemasarannya dalam Novel *Gadis Kretek*. Dalam novel gadis kretek, terdapat situasi di mana khalayak berbincang berkaitan kecantikan dan keayuan seorang perempuan yang menjadi daya tarik pada pengiklanan rokok kretek. Dwi Rahayu et al. (2023) mengungkapkan unsur fenimisme beberapa watak wanita dalam novel ini menyatakan bahawa wanita adalah mempunyai pengaruh besar dalam perniagaan rokok kretek. Selain itu novel ini sarat dengan nilai-nilai pendidikan seperti nilai keagamaan yang menekankan hubungan antara manusia dan tuhan, nilai-nilai moral yang menekankan hubungan antara sesama manusia dan nilai budaya yang sarat dengan tradisi dan amalan setempat.

DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS

Novel *Gadis Kretek* hasil garapan Ratih Kumala memaparkan kisah yang sarat dengan unsur-unsur budaya Islam Jawa. Budaya Islam Jawa merujuk kepada amalan budaya yang dilaksanakan oleh masyarakat yang teradun daripada nilai-nilai Islam yang universal dan tradisi setempat dalam kehidupan masyarakat Jawa. Dalam konteks novel ini, terdapat

beberapa aspek budaya Islam Jawa yang dapat dikenalpasti. Pertama, nilai-nilai agama Islam yang menjadi elemen penting dalam kehidupan watak-watak dalam novel. Konsep keimanan, ketakwaan dan amalan keagamaan tercermin dalam kehidupan seharian watak utama. Penulis memaparkan bagaimana agama menjadi panduan dalam membuat keputusan dalam menjalani kehidupan mereka. Kedua, unsur-unsur kebudayaan Jawa amat ditekankan dalam novel ini. Aspek-aspek seperti adat istiadat, bahasa dan norma sosial Jawa menjadi ciri utama yang melatari jalan cerita dan naratif novel. Pembaca dapat merasakan keunikan budaya Jawa melalui interaksi antara watak, bentuk komunikasi dan perayaan tradisional yang digambarkan. Melalui penceritaan yang kaya dengan unsur budaya Islam Jawa, novel ini menjadi satu medium yang memperkenalkan pembaca kepada keunikan dan kekayaan budaya masyarakat Jawa yang bersumberkan adunan Islam dan kearifan tempatan. Dalam konteks kajian ini, hanya dua amalan budaya Islam Jawa diketengahkan untuk di analisis daripada perspektif fiqh Islam iaitu; budaya memohon maaf sebelum dan selepas kematian dan budaya menunggu uri bayi.

Permohonan Maaf Oleh Keluarga Ketika Sakaratul Maut Daripada Perspektif Budaya Dan Fiqh

Dalam novel ini terpapar satu tradisi iaitu memohon maaf ketika sakit. Ketika Romo tenat, pemilik kilang Kretek Djagad Raja asyik menyebut nama Jeng Yah. Romo memberikan kunci pada sebuah kotak yang akhirnya anaknya dapat menghidu hubungan cinta Romo di zaman mudanya. Romo kemudiannya meminta anaknya untuk bertemu dengan Jeng Yah iaitu bekas kekasihnya yang mengasaskan satu perusahaan kretek. Ketika dalam keadaan sakit tenat, Romo selalu mimpikan Jeng Yah atas dosa yang dilakukannya iaitu mencuri resipi dan cara pembuatan kretek daripada kekasihnya pada satu ketika dahulu. Apabila semakin tenat, anak-anaknya terus berusaha mencari di mana Jeng Yah berada dan mendapati Jeng Yah telahpun meninggal dunia. Selepas 4 bulan kematian Romo, barulah anak-anaknya sedar, bahawa resipi kretek milik keluarganya adalah hasil curi daripada resipi tradisi milik Jeng Yah. Mereka menyedari perbuatan itu adalah sesuatu yang berdosa dan perlu untuk meminta maaf dan membayar semula resipi tersebut dengan ganti rugi yang bersesuaian. Perseteruan dua bekas kekasih ini selesai dengan tindakan tersebut. Ini dapat dilihat pada bisikan Lebas, anak lelaki ketiga Romo buat hatinya:

“Aku menikmati saat-sat ini, Saat aku mampu membaik kekacauan yang pernah dilakukan oleh keluargaku pada masa yang lalu. Tak disangka kambing hitam keluarga boleh menjadi berharga”

Budaya memohon maaf sebelum kematian adalah amalan yang penting dalam masyarakat Melayu yang amat menghargai nilai-nilai seperti jujur, hormat menghormati, saling mengasihi dan memuliakan. Orang Melayu sangat menekankan konsep memohon maaf apabila terdapat tanda-tanda kematian pada pesakit. Biasanya dengan memanggil ahli keluarga terdekat termasuklah anak-anak untuk balik dan menziarahi pesakit. Dalam konteks budaya Melayu memohon maaf sebelum kematian sering kali melibatkan beberapa aspek; pertama, memohon maaf sebelum kematian adalah tindakan mulia yang menggambarkan rasa hormat dan kasih kepada individu yang hendak meninggalkan dunia ini dan juga kepada keluarganya. Kedua, permohonan maaf digambarkan sebagai bentuk membersihkan diri. Perlakuan memohon maaf sebelum kematian juga dapat dianggap sebagai cara untuk membersihkan hati dan fikiran seseorang sebelum menghadap Allah SWT. Ini termasuk mengaku dosa dan kesalahan yang dilakukan kepada orang lain. Orang Melayu amat berpegang pada konsep dosa sesama manusia, hanya manusia yang boleh ampunkan.

Ketiga, ia sebagai usaha akhir untuk memperbaiki hubungan. Perbuatan memohon maaf sebelum kematian dapat menjadi kesempatan terakhir untuk memperbaiki hubungan kekeluargaan dan persahabatan yang renggang akibat konflik dalam kehidupan seharian. Memaafkan dan mendapatkan maaf adalah suatu yang menenangkan pesakit dan juga

keluarga pesakit. Ia membantu pesakit untuk lebih fokus dan tenang menghadapi sakaratul maut Dalam budaya Melayu, nilai-nilai seperti tolong-menolong, menghormati orang lain, dan tidak menciptakan permusuhan dalam hubungan adalah sesuatu yang dianggap mulia. Justeru itu, memohon maaf sebelum kematian bukan hanya usaha mulia, tetapi juga mencerminkan kebijaksanaan spiritual dan moral yang dalam menjalani kehidupan seharian.

Daripada perspektif fiqh, sesiapa yang berdosa sesama manusia perlu segera memohon maaf. Ini berdasarkan kepada Sabda Nabi SAW:

مَنْ كَانَتْ عِنْدَهُ مَظْلَمَةٌ لِأَخِيهِ فَلْيَتَحَلَّلْهُ مِنْهَا، فَإِنَّهُ لَيْسَ تَمَّ دِينَارٌ وَلَا دِرْهَمٌ، مِنْ قَبْلِ أَنْ يُؤْخَذَ لِأَخِيهِ مِنْ حَسَنَاتِهِ، فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ حَسَنَاتٌ أُخِذَ مِنْ سَيِّئَاتِهِ فطُرِحَتْ عَلَيْهِ.

Maksudnya, "Sesiapa yang ada melakukan kezaliman kepada saudaranya, minta ampunlah daripadanya. kerana sesungguhnya tidak ada dinar atau dirham yang akan dipertukarkan sebelum amalan baik saudaranya diambil daripadanya. Jika dia tidak mempunyai amalan baik, maka dosa saudaranya akan diambil daripadanya, kemudian diletakkan ke atasnya" (Hadis. al-Bukhari. Bab al-Qisas Yaum al-Qiyamah, 6534).

Begitu juga daripada perspektif fiqh, tindakan memberi maaf juga satu amalan yang mulia. Ini berdasarkan Sabda Nabi SAW:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ، وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بِعَفْوٍ إِلَّا عِزًّا، وَمَا تَوَاضَعَ أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ

Maksudnya, "Tidak akan berkurang harta kerana sedekah. Tidak akan bertambah kedudukan orang yang memaafkan kecuali diangkat lebih mulia. Tidaklah seorang merendah diri kerana Allah, kecuali Allah SWT tinggikan kedudukannya" (Hadis. Muslim. Bab Istihbab al-'Afw wa Tawadu', 588).

Tindakan waris kepada Romo membayar ganti rugi yang bersesuaian dengan nilai semasa pada ketika itu adalah perlakuan terpuji, ini selari dengan perbincangan fiqh di bawah yang memerlukan pengembalian semula barangan yang dirampas, ini seperti yang dinyatakan oleh al-Nawawi (1344H):

قَالَ التَّوَوُّيُّ نَقْلًا عَنِ الْعَزَالِيِّ: إِذَا كَانَ مَعَهُ مَالٌ حَرَامٌ، وَأَرَادَ التَّوْبَةَ وَالْبِرَاءَةَ مِنْهُ، فَإِنْ كَانَ لَهُ مَالٌ مُعَيَّنٌ وَجَبَ صَرْفُهُ إِلَيْهِ أَوْ إِلَى وَكِيلِهِ، فَإِنْ كَانَ مَيِّتًا وَجَبَ دَفْعُهُ إِلَى وَارِثِهِ، وَإِنْ كَانَ لِمَالِكٍ لَا يَعْرِفُهُ، وَيَتَسَمَّنُ مَعْرِفَتِهِ، فَيَنْبَغِي أَنْ يَصْرِفَهُ فِي مَصَالِحِ الْمُسْلِمِينَ الْعَامَّةِ كَالْفَنَاطِرِ وَالرُّبُطِ وَالْمَسَاجِدِ وَمَصَالِحِ طَرِيقِ

Maksudnya, "Sesiapa yang menyimpan harta haram bukan miliknya dan dia ingin bertaubat daripada perbuatannya maka; jika ada pemiliknya, maka dia perlu kembalikan kepada pemiliknya atau kepada wakilnya. Jika pemilik asalnya meninggal dunia, wajib dikembalikan kepada warisnya. Jika pemiliknya tidak diketahui, hendaklah harta tersebut disalurkan kepada perkara yang boleh digunakan untuk kepentingan kaum muslimin seperti membina jambatan, masjid, menjaga sempadan negara dan lain-lain yang memberi manfaat pada umat Islam. Atau boleh juga disumbangkan kepada fakir miskin".

Dalam kes Romo beliau mencuri resipi kretrek keluarga Neng Yah, pengembalian semula boleh dibuat dengan pembayaran ganti rugi yang sesuai kepada warisnya, pandangan ini adalah pandangan majoriti fuqaha' termasuklah fuqaha' Mazhab Shafie (al-Nawawi, 1344H; al-Najjar, 2010). Lima pakar hukum yang ditemubual bersetuju dengan pendalilan yang dibuat oleh penulis. Rumusan pakar hukum terdapat pada jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Rumusan Persetujuan Pakar Hukum

Pakar Hukum	Pandangan		
	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan
Pakar Hukum 1	√		Dipersetujui bersama antara dua keluarga yang melibatkan waris.
Pakar Hukum 2	√		Berlaku perbincangan dan dengan nilai semasa.
Pakar Hukum 3	√		Dengan syarat senilai dengan resipi yang dicuri.
Pakar Hukum 4	√		Dipersetujui nilai ganti rugi yang sesuai dengan nilai semasa.
Pakar Hukum 5	√		Dipersetujui ganti rugi dengan perbincangan seluruh ahli waris.

Budaya Menunggu Uri Bayi Selama 7 Hari Daripada Perspektif Budaya dan Fiqh

Dalam Novel Gadis Kretek, penulis mengetengahkan berkaitan tradisi menunggu uri selama tujuh hari yang diamalkan oleh masyarakat Jawa. Tradisi itu dimulakan uri tersebut dibasuh dengan bersih, kemudian dimasukkan ke dalam bekas atau kendil, ditanam di hadapan rumah, dinyalakan pelita dan wajib bagi bapa menunggu daripada maghrib hingga ke subuh. Tradisi ini dijalankan selama seminggu. Tradisi ini bukan saja melibatkan keluarga tapi juga melibatkan keseluruhan masyarakat. Biasanya bapa akan ditemani oleh warga komuniti yang terdiri daripada golongan lelaki dan wanita. Golongan lelaki akan menemani bapa bayi yang baru lahir setiap hari selama seminggu. Golongan lelaki biasanya bermain kad atau daun terup bagi mengisi masa lapang sambil menikmati rokok kretek dan teh panas yang disediakan oleh tuan rumah. Keluarga juga wajib untuk menyediakan kudapan, makan malam, minuman teh dan rokok kretek. Justeru itu, golongan wanita akan membantu secara bergilir-gilir untuk memasak makan malam, kudapan dan penyediaan teh panas bagi golongan lelaki yang menunggu uri daripada malam sehingga ke pagi. Tradisi ini dapat dibaca pada halaman 92-95 antara teksnya adalah:

Sebelum pergi, Mak Iti berpesan , "letakkan urinya dalam kendil, kuburkan di depan rumah, siapkan pelita, biar terang. Kamu mulai tunggu mulai maghrib sampai subuh, seminggu jangan tinggal."

Daripada perspektif budaya, tradisi tanam dan tunggu uri selama tujuh hari adalah kerana beberapa perkara; pertama, uri diletakkan dalam bekas bertutup adalah sebagai satu bentuk penghormatan iaitu orang Jawa menganggap uri adalah sebahagian daripada anggota badan manusia yang telah terpisah daripada tubuh badannya. Uri dimuliakan kerana ia adalah anggota yang melindungi bayi ketika proses kehamilan sehingga proses kelahiran. Kerana penghormatan itu juga orang Jawa akan membasuh uri dengan baik sebelum dimasukkan di dalam kendil untuk ditanam. Kedua, tujuan memasukkan uri di dalam kendil, bekas bertutup atau ada sebilangan amalan memasukkannya ke dalam tempurung yang ditelangkupkan adalah untuk mengelakkan bau busuk uri itu ketika mereput menarik perhatian binatang buas untuk mengorek dan memakan uri tersebut.

Ketiga, penanaman uri dalam novel ini dilaksanakan di hadapan rumah bertujuan untuk memudahkan proses penjagaan uri tersebut selama 7 hari. Biasa, di bahagian hadapan rumah orang Melayu lebih bersih dan kemas. Uri tidak ditanam ditempat terpencil kerana susah untuk dijaga. Zaman dahulu, bahagian depan rumah adalah bahagian yang paling kemas dan tersusun. Keempat, uri bayi yang baru lahir hanya dijaga sebelah malam kerana dua perkara; mengelakkan daripada dicuri oleh tukang sihir yang menggunakan uri bayi yang baru lahir untuk tujuan Ilmu hitam. Selain itu, pengaktifan sihir juga dilakukan pada waktu tengah malam setelah uri tersebut dicuri daripada pemiliknya. Selain daripada itu, waktu malam adalah waktu aktif bagi binatang buas, dan proses menunggu pada waktu malam menjauhkan binatang buas untuk mendekati tempat penanaman uri tersebut.

Kelima, proses menunggu selama seminggu pula adalah bertujuan mengelakkan daripada uri dan bekas uri yang mereput itu dicuri dan digunakan untuk pengaktifan sihir terutamanya sihir pemisah yang menggunakan uri baru sebagai bahan sihir kepada keluarga bayi tersebut dan kepada orang lain. Menurut informan, selepas tujuh hari, uri tersebut tidak dapat digunakan lagi untuk pengaktifan sihir kerana sempurna pereputannya. Keenam, waktu menunggu selama tujuh hari ini juga sangat bermanfaat bagi mengelakkan ibu yang baru bersalin berasa kesunyian yang boleh mengakibatkan penyakit meroyan yang dikaitkan dengan gangguan jiwa. Ketujuh, ada di beberapa tempat, setelah uri di basuh bersih, diletakkan garam, asam keping dan paku, kemudian uri itu dibalut dan di tanam. Garam dan asam keping bertujuan untuk mempercepatkan proses penguraian uri dalam tempoh tujuh hari dan memastikan uri tersebut tidak boleh digunakan untuk tujuan sihir dan pemujaan. Penggunaan paku yang tajam pula ialah untuk menghalang binatang buas daripada terus membongkar uri tersebut.

Jika berkaitan dengan amalan setempat, Islam mengiktiraf amalan tersebut selama mana tidak bercanggah dengan syariat. Ia berbentuk tajribah. Tajribah ini adalah amalan yang diamalkan berasaskan kepada pengalaman masyarakat. Perkara *tajribah* ini diiktiraf oleh Nabi SAW (Muhammad Yusri, 2023):

أَنَّ النَّبِيَّ مَرَّ بِقَوْمٍ يُلْقِحُونَ فَقَالَ: لَوْ لَمْ تَفْعَلُوا لَصَلَحَ. قَالَ: فَحَرَجَ شَيْصًا فَمَرَّ بِهِمْ فَقَالَ: مَا لِنَحْلِكُمْ؟ قَالُوا: قُلْتِ كَذَا وَكَذَا قَالَ: أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ

Maksudnya, "Nabi SAW melalui beberapa orang yang sedang melakukan pendebungaan kurma, Baginda SAW bersabda: "Kalaulah kalian tidak melakukan perkara ini maka hasilnya akan baik". (Para sahabat mengikuti saranan Baginda SAW) kemudian hasil kurmanya tidak menjadi. Nabi SAW lalu di kawasan mereka lagi dan bertanya, "Mana kurma kalian?" mereka mengatakan, "Anda katakan demikian dan demikian (agar tidak melakukan pendebungaan kurma)" Kemudian beliau SAW bersabda, "Kalian lebih tahu tentang urusan dunia kalian" (Hadis. Muslim. Bab Wujud al-Imtithal Ma Qalahu Syar'an , 2363).

Selain daripada itu, Terdapat Athar daripada Abi Said al-Khudri RA:

{ عن أبي سعيد الخدري: لا حليم إلا ذو عثرة ولا حكيم إلا ذو تجربة }

Maksudnya: Tiada ketenangan kecuali pernah menghadapi kesusahan, tiada kearifan kecuali melalui pengalaman. (Hadis. al-Tirmidhi, Bab Ma Jaa fi Tajarub, 2033; Shu'ayb al-Arnaout menilai isnad hadis ini sebagai dhaif).

Berkaitan pengalaman ini, ia boleh digunakan selagi tidak bertentangan dengan nas dan membawa kepada syirik kepada Allah SWT (Bahagian Penyelidikan JAIPk, 2019; Haron Din, 2013). Seterusnya, terdapat satu kaedah fiqh yang menyatakan bahawa jika amalan sesuatu perkara tidak bertentangan dengan syariah maka adat dan kebiasaan itu digunakan dalam penentuan hukum syarak, ini berdasarkan kaedah fiqh di bawah (al-Tamimi, 2003; Ibn Nujaym, 1999; al-Zarqa', 1989):

{ الْعَادَةُ مُحْكَمَةٌ }

Maksudnya: "Adat (yang tidak bercanggah dengan syara') boleh menentukan hukum sesuatu perbuatan dan tindakan."

{ إِنَّمَا تُعْتَبَرُ الْعَادَةُ إِذَا اطَّرَدَتْ أَوْ غَلَبَتْ }

Maksudnya: "Sesungguhnya (sesuatu itu) diiktiraf sebagai adat (yang tidak bercanggah) apabila ianya berterusan dilakukan atau dilakukan oleh majoriti."

Dalam amalan budaya menunggu uri selama 7 hari ini, ia berasaskan kepada kearifan tempatan yang tidak bercanggah dengan hukum Islam. Lima pakar hukum yang ditemubual bersetuju dengan pendalilan yang dibuat oleh penulis. Rumusan pakar hukum terdapat pada jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Rumusan Persetujuan Pakar Hukum

Pakar Hukum	Pandangan		
	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan
Pakar Hukum 1	√		Setuju dengan syarat tiada unsur syirik semasa amalan ini dilaksanakan.
Pakar Hukum 2	√		Setuju, perlukan penjelasan berkaitan dengan setiap amalan yang dilakukan daripada sudut budaya.
Pakar Hukum 3	√		Setuju dan keperluannya perlu di kaji selari dengan perubahan masa dan tempat.
Pakar Hukum 4	√		Setuju, penjelasan yang baik. Tiada amalan syirik dan kepercayaan yang karut.
Pakar Hukum 5	√		Setuju dengan syarat tiada wujud kepercayaan yang boleh menyebabkan syirik.

KESIMPULAN

Setiap amalan yang berteraskan budaya adalah lambang kearifan tempatan yang terhasil daripada pengalaman masyarakat setempat dalam kehidupan seharian. Novel Gadis Kretek ini sarat dengan pelbagai unsur budaya yang boleh dijadikan panduan kepada masyarakat. Garapan penulis sangat baik dengan menerapkan plot cerita dengan latarbelakang sosiobudaya masyarakat silam. Ia satu usaha yang baik dan sangat bernilai untuk dijadikan panduan. Amalan memohon maaf sebelum kematian dan amalan menunggu uri selama 7 hari adalah amalan yang dilaksanakan berasaskan kearifan tempatan dan ia sebagai lambang kepada kecerdikan dan kecerdasan setempat. Kedua-dua amalan ini selagi tidak bertentangan syarak dan membawa kepada syirik, ia adalah amalan yang diterima oleh hukum Islam

RUJUKAN

Buku

- al-Najjar, M. A. H. (2020). *Al-I'lam bi Ahkam al-Mal al-Haram*. Dar al-Lu Lu' Li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- al-Nawawi, A. Z. M. S. (1344H). *Al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*. [Jil. 6]. Dar al-Fikr.
- al-Tamimi, A. 'A. R. (2003). *Tawdih Al-Ahkam min Bulugh Al-Maram*. Maktabah Al-Asadi.
- al-Zarqa', A. M. (1989). *Syarh Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah*. Dar Al-Qalam.
- Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Perak. (2019). *40 Soal Jawab Pengubatan Islam*. Jabatan Agama Islam Perak.
- Haron Din. (2013). *Kaedah Merawat Santau*. PTS Publication.
- Ibn Nujaym, Z. D. I. M. (1999). *Al-Asybah wa Al-Naza'ir 'Ala Madhhab Abi Hanifah Al-Nu'man*. Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Jurnal

- Annisa, B. K. & Tengsoe, T. (2023). Novel Gadis Kretek Karya Ratih Kumala Perspektif Konflik Lewis A. Coser. *BAPALA* 10(2), 23-36.
- Dwi Rahayu, S., Enggar, B. N. F., Natasya, D. M., Nisa'ul, F., Putri Dewi, A. & Eni, N. (2023). Kajian Fenimisme Dan Nilai-Nilai Pendidikan Dalam Novel Gadis Kretek Karya Ratih Kumala. *Journal of Creative Student Research (JCSR)*, 1 (6), 10-18.
- Erik, A. I. & Imada, K. (2021). Budaya Kretek Masyarakat Kudus Sebagai Sumber Belajar Ilmu Pengetahuan Sosial di Sekolah Dasar. *PIPSI Jurnal Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial Indonesia*, 6(2), 34-45.

- Laillia, D. I., (2023). Kompetisi dan Posisi Tubuh Perempuan dalam Iklan Rokok: Analisis Wacana Kritis Pada Novel "Gadis Kretek" Karya Ratih Kumala. *SASDAYA Gadjah Mada Journal of Humanities*, 7(2), 1-25.
- Luxman, Sesilia, S., & Argus, W. (2014). Budaya Masyarakat Jawa dalam Novel Gadis Kretek Karya Ratih Kumala (Kajian Antropologi Sastra). *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Untan*, 3(11), 1-10.
- Maftuhah. (2019). Perjuangan Kesetaraan Gender Tokoh Wanita dan Nilai Pendidikan Dalam Novel Gadis Kretek Karya Ratih Kumala. *Jurnal Annaba' Journal of Islamic Education*, 5(1), 55-62.
- Novea, D. P., & Siti, S. (2022). Analisis Unsur Intrinsik Dan Ekstrinsik Serta Nilai Moral Cerpen "Wanita Berwajah Penyok" Karya Ratih Kumala. *Inspirasi Dunia: Jurnal Riset Pendidikan dan Bahasa*, 1(3), 10-16.
- Rais, A. D., Saharudin, M. K. (2022). Analisis Strukturalisme Genetik Pada Novel Gadis Kretek Karya Ratih Kumala. *KOPULA Jurnal Bahasa, Sastra dan Pendidikan*, 4(2), 29-41.
- Sherly, S. K. K. & Setya, Y. S. (2023). Relasi Kuasa dalam Novel Gadis Kretek Karya Ratih Kumala: Analisis Wacana Kritis Michel Foucault. *SAPALA*, 10(3), 24-34.
- Sholikhin. (2017). Stratifikasi Sosial Dalam Novel Gadis Kretek Karya Ratih Kumala. *Jurnal Pesona*, 3 (1), 81-90.
- Suhendra, Tri, M., Aam, N., Stella, T., Ruyatul, H., & Tania, L. (2021). Image of Women in Gadis Kretek by Ratih Kumala Based on Feminism Perspective. *JHSS Journal of Humanities and Social Studies*, 5 (1), 72-79.

Prosiding

- Diya, K. (2019). *Nilai Moral dan Sikap Tokoh terhadap Kehidupan Masyarakat dalam Novel Gadis Kretek Karya Ratih Kumala*. Kertas Kerja Seminar Nasional Pendidikan Program PascaSarjana. Universitas PGRI Palembang, 12 Januari 2019.
- Thera, W. (2020). *Independent Woman in Novel Gadis Kretek*. Kertas Kerja First International Conference on Communication, Language, Literature, and Culture. Universitas Sebelas Maret, Indonesia, 8-9 September 2020.

Temubual

- Informan 1. Amalan Budaya Islam Jawa. Temubual. Masjid Ar-Rahmaniah: Tronoh, Perak. 30 April 2024.
- Informan 2. Amalan Budaya Islam Jawa. Temubual. Masjid Ar-Rahmaniah: Tronoh, Perak. 30 April 2024.
- Pakar Hukum 1. Hukum Amalan Budaya Islam Jawa. Temubual Atas Talian. 28 April 2024.
- Pakar Hukum 2. Hukum Amalan Budaya Islam Jawa. Temubual Atas Talian. 28 April 2024.
- Pakar Hukum 3. Hukum Amalan Budaya Islam Jawa. Temubual Atas Talian. 29 April 2024.
- Pakar Hukum 4. Hukum Amalan Budaya Islam Jawa. Temubual Atas Talian. 30 April 2024.
- Pakar Hukum 5. Hukum Amalan Budaya Islam Jawa. Temubual Atas Talian. 30 April 2024.

Tesis

- Muhammad Yusri, Y @ S. (2023). *Analisis Unsur Kearifan Tempatan dalam Adat Kematian Dari Perspektif Hukum Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.